

30/01/1999

Kawalan modal diteruskan

Azizi Othman in Davos (Switzerland)

DAVOS (Switzerland), Jumaat - Malaysia masih tidak dapat melihat perlunya menarik balik langkah kawalan modal yang dilaksanakannya kerana ia berkesan memulih dan memantapkan ekonomi negara.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan masih belum berhasrat memansuhkannya kerana ia memainkan peranan penting dalam pemulihan ekonomi.

"Tiada jaminan ia akan dimansuh dan ditamatkan hanya semata-mata kerana reformasi kewangan kita sudah dapat dilakukan dengan jayanya.

"Pengalaman di negara Amerika Latin menunjukkan sebaik saja ekonominya pulih, peniaga mata wang menyerang mereka sekali lagi sehingga menyebabkan kemusnahan yang hampir sama buruknya," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian ketika menyampaikan ucapan "Malaysia: Melantun Semula Dari Ambang (Kebankrapan)" pada majlis jamuan tengah hari sempena Forum Ekonomi Dunia (WEF) yang bermula di sini, hari ini.

Beliau juga membayangkan langkah kawalan itu tidak akan ditarik balik selagi rejim kewangan antarabangsa masih membenarkan peniaga mata wang bertindak menurunkan nilai mata wang.

Isu itu hangat diperkatakan apabila beberapa pihak yang tidak membantah langkah kawalan serta mengakui ia berkesan memulih dan menjana semula ekonomi Malaysia, bertanya bila ia akan ditarik balik.

Penjelasan Dr Mahathir hari ini menamatkan spekulasi perkara itu dan Malaysia sebenarnya hanya sanggup memperbaiki beberapa aspek pelaksanaannya seperti diumumkan beberapa pihak sebelum ini.

Kenyataan itu juga membayangkan langkah kawalan itu masih penting untuk memberi perlindungan kepada Malaysia daripada senjata berbahaya abad ke-21 seperti yang ditimbulkan oleh Perdana Menteri hari ini.

Beliau berkata, dalam abad ke-20, pelbagai senjata canggih peperangan dicipta tetapi senjata peperangan baru yang lebih bahaya pula muncul kini iaitu senjata ekonomi dan kewangan.

"Senjata ini sebenarnya tidak kurang bahaya atau kemampuan membunuhnya berbanding roket atau bom," katanya.

Dr Mahathir berkata, ekonomi Malaysia sudah mula melantun daripada paras paling rendahnya.

"Begitupun, sebagai sebuah ekonomi yang kecil, saya mengakui hakikat kemampuannya banyak bergantung kepada sejauh mana ekonomi dunia dapat berkembang.

"Kami tidak akan dapat pulih jika dunia tidak pulih. Dunia pula tidak akan pulih jika ia bertuhankan kapitalisme," katanya dalam nada sinis menyindir keengganan Barat mewujudkan kawalan terhadap dagangan mata wang.

Perdana Menteri juga memperbetulkan salah tanggapan asing terhadap Malaysia yang berpunca daripada propaganda media asing.

Menurutnya, ketika Malaysia mengumumkan langkah kawalan modal pada 1 September lalu, hampir seluruh dunia menampelaknya dan mendakwa kononnya kerajaan mula hilang kawalan terhadap ekonomi negara.

Malah, ada yang mendakwa kononnya ia akan gagal atau hanya berkesan sementara manakala media asing segera menuduh kononnya ia dibuat bagi melindungi konco-konco serta kaum keluarga Perdana Menteri.

"Saya menjemput anda semua datang dan melihat sendiri apa yang berlaku di Malaysia kerana selain lanun mata wang dan pasaran saham, kami juga perlu berdepan dengan media asing yang sering mengecam kami.

"Mereka menggambar-gemburkan apa sahaja laporan mengenai Malaysia dan

tidak teragak-agak mereka-reka cerita untuk memburuk-burukkan sesiapa
semata-mata kerana enggan `kow-tow' (tunduk) kepada mereka," katanya.
(END)